

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(100)
Tarikh : 20 Oktober 2023

KENYATAAN MEDIA

DEKORASI BULATAN AIR ITAM SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-100 FUNIKULAR BUKIT BENDERA

Bagi memperingati Ulang Tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera - satu abad perkhidmatan - bulatan Air Itam dihias sebagai salah satu acara kemuncak sambutan keseratus tahun.

Peristiwa yang tidak dapat dilupakan ini merupakan usaha bersama antara YB Joseph Ng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, OHM Group dan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang yang telah bekerjasama untuk menghiasi bulatan ikonik dan memperingati ulang tahun bersejarah Funikular Bukit Bendera.

Kawasan yang dikenali sebagai Air Itam (atau Ayer Itam / Ayer Hitam), yang mendapat namanya daripada air keruh Sungai Air Itam bermula pada akhir abad ke-18 sejurus selepas penubuhan Pulau Pinang oleh Kapten Francis Light pada tahun 1786. Pentadbiran British mempunyai cita-cita untuk mengubah Air Itam termasuk Bukit Bendera untuk menjadi pusat pertanian dan ladang rempah ratus yang berkembang maju.

Sehingga hari ini, buah-buahan dan sayur-sayuran masih ditanam di sekitar bukit dan hasil segar kemudiannya dibawa turun dari bukit ke pasar basah. Ini menggambarkan hubungan kukuh antara Bukit Bendera dan Air Itam, di mana funikular merupakan cara utama bagi petani untuk membawa turun produk mereka pada setiap awal pagi.

Sejak landasan funikular siap dibina pada tahun 1923 dan pembandaran Air Itam dari tahun 1950-an, kawasan tersebut telah mengalami transformasi yang ketara. Pengunjung, masyarakat setempat dan pihak berkepentingan saling bergantung dan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi di kawasan sekitar tersebut.

Bulatan Air Itam merupakan mercu tanda di tengah-tengah Air Itam kini dihiasi dengan plak "Penang Hill Railway 100 Years of Transformation" setinggi 7 kaki untuk meraikan satu abad kemajuan dan warisan.

Dekorasi bulatan Air Itam ini dijayakan melalui sokongan berterusan dari YB Joseph Ng, inisiatif Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, sumbangan OHM Group, serta dorongan dan nasihat YB Lim Guan Eng yang bukan sahaja mengindahkan lagi kawasan tersebut tetapi turut menyemai rasa bangga dalam kalangan

masyarakat setempat di Bukit Bendera khususnya di Air Itam, Air Putih dan sekitarnya sebagai simbolik pada sambutan yang tidak dapat dilupakan ini.

Sambutan Ulang Tahun ke-100 Funikular Bukit Bendera menandakan seratus tahun perjalanan yang mengagumkan dan membawa lebih 48 juta orang ke puncak Bukit Bendera. Pencapaian yang luar biasa ini memberi penghormatan kepada kekayaan sejarah funikular, menghubungkan penduduk tempatan dan pelancong dengan pemandangan panoramik dan alam semula jadi yang menakjubkan.

Kerjasama ini mewujudkan sinergi menarik yang menghimpunkan warisan Pulau Pinang yang lepas, kini dan masa depan serta mengukuhkan lagi komitmen untuk memelihara dan meraikan warisan ikonik Malaysia ini.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
lltan@penanghill.gov.my